

Pengaruh Sistem Penasihatian Akademik Terhadap Tahap Pencapaian Akademik Pelajar

Absullah Sulong & Wan Zainura Wan Yusof

Fakulti Pendidikan,

Universiti Teknologi Malaysia

Abstrak : Kajian ini bertujuan untuk melihat pengaruh dan hubungan sistem penasihatian akademik dan faktor-faktornya yang meliputi faktor bimbingan, penasihatian, pemantauan dan pemerhatian. Kajian ini dijalankan di Fakulti Pendidikan, Universiti Teknologi Malaysia. Satu set soal selidik yang mengandungi 30 item telah diedarkan kepada 107 responden yang terdiri daripada tiga kursus dipilih sebagai responden kajian. Walau bagaimanapun hanya 100 responden yang mengembalikannya. Ianya dianalisis secara deskriptif untuk mendapatkan nilai kekerapan, peratusan dan min menggunakan Statistical Package for Social Science 14.0 for Windows. Hasil kajian rintis menunjukkan nilai $\alpha = 0.982$. Hasil analisis menunjukkan bahawa pencapaian akademik pelajar adalah tinggi iaitu pada tahap min 3.94. Di samping itu, faktor-faktor bimbingan, pemantauan dan pemerhatian berada pada tahap min yang sederhana iaitu 3.55, 3.50 dan 3.47 manakala faktor penasihatian berada pada tahap min yang tinggi iaitu 3.80. Analisis secara inferensi juga dilakukan menggunakan pekali korelasi Pearson (r) dan regrasi (r^2) untuk melihat hubungan dan pengaruh yang wujud di antara kedua-dua angkubah. Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan terdapat hubungan dan pengaruh yang tinggi di antara pencapaian akademik pelajar dengan sistem penasihatian akademik dengan nilai $r = 0.784$, (r^2) = 0.614. Manakala faktor bimbingan dengan nilai $r = 0.703$, (r^2) = 0.495, penasihatian dengan nilai $r = 0.754$, (r^2) = 0.569, pemantauan dengan nilai $r = 0.667$, (r^2) = 0.445 dan pemerhatian iaitu $r = 0.593$, (r^2) = 0.351.

Katakunci : penasihatian akademi, tahap pencapaian akademik

Pengenalan

Pada masa ini, kerajaan sentiasa memberi perhatian yang serius kepada prestasi akademik pelajar samada di sekolah mahupun di Institusi Pengajian Tinggi (IPT) awam atau swasta. Ini kerana golongan inilah yang akan menerajui kepimpinan kelak. Jadi tidak hairanlah isu kecemerlangan akademik pelajar sentiasa menjadi isu perbincangan yang hangat dan sering mencuri perhatian masyarakat mahupun media.

Pencapaian akademik pelajar sering dilihat dengan kebolehan yang terdapat pada pelajar itu. Namun tidak boleh dinafikan bahawa ada faktor-faktor lain yang boleh mempengaruhi pencapaian mereka terutamanya pelajar di universiti. Antaranya ialah dengan wujudnya sistem penasihatian akademik kepada pelajar.

Justeru itu, di setiap universiti harus memperkenalkan sistem penasihatian akademik pelajar yang mana ia sangat penting kepada semua pelajar. Hal ini adalah bertujuan untuk meningkatkan mutu sahsiah dari segi akademik pelajar. Dengan adanya sistem penasihatian akademik ini, pelajar boleh meminta bantuan dan berjumpa dengan penasihat akademik mereka pada bila-bila masa asalkan ia tidak mengganggu jadual pelajaran mereka dan pensyarah.

Pernyataan Masalah

Akademik merupakan asas untuk mengukur kejayaan seseorang pelajar dalam semua peringkat dari alam persekolahan hinggalah ke Institusi Pengajian Tinggi. Memandangkan kebanyakan pelajar yang memasuki university menghadapi pelbagai masalah, maka dengan

adanya sistem penasihat akademik ini ianya dapat membantu pelajar mengurangkan masalah tersebut sama ada yang berkaitan dengan masalah akademik atau masalah peribadi.

Walaupun setiap pelajar mempunyai seorang penasihat namun ada antara mereka yang kurang mengetahui peranan dan fungsi penasihat akademik tersebut. Malah ada yang menganggap bahawa penasihat akademik hanya berperanan sebagai penandatangani borang pendaftaran mata pelajaran dan pengesahan borang pendaftaran kursus bagi setiap semester sahaja.

Rentetan dari itu, kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat sejauh mana sistem penasihat akademik mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar dan dapat membantu pelajar dalam menghadapi masalah yang mereka hadapi.

Objektif Kajian

Dalam menjalankan sesuatu kajian, objektif kajian haruslah diberi perhatian memandangkan ia berfungsi sebagai suatu rangka rujuk bagi memastikan pelaksanaan kajian berjalan dengan lancar dan sistematik. Justeru itu, penyelidik telah menetapkan beberapa objektif yang ingin dicapai melalui kajian ini iaitu :

1. Mengenal pasti persepsi pelajar terhadap sistem penasihat akademik dalam mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar.
2. Mengenal pasti faktor bimbingan, penasihat, pemantauan dan pemerhatian mempengaruhi tahap pencapaian akademik pelajar.
3. Melihat sejauh mana hubungan di antara sistem penasihat akademik dan faktor bimbingan, penasihat, pemantauan dan pemerhatian dengan tahap pencapaian akademik pelajar.

Kepentingan Kajian

Kajian ini dibuat untuk mengetahui sejauh mana tahap keberkesanan pengaruh penasihat akademik terhadap tahap pencapaian akademik pelajar yang dijalankan ke atas pelajar-pelajar tahun 4 di Fakulti Pendidikan di UTM, Skudai mengikut kursus. Berdasarkan kepada kajian yang dilakukan adalah diharapkan agar pelajar-pelajar dapat memastikan tugas seorang penasihat akademik iaitu sebagai bimbingan, penasihat, pemantauan dan pemerhatian bukan setakat membantu dalam bidang akademik sahaja malah dalam masalah peribadi. Diharap agar para pelajar juga dapat memanfaatkan perkhidmatan yang telah disediakan oleh pihak universiti kepada pelajar dengan sebaik-baiknya.

Hasil dapatan daripada kajian ini akan memberikan satu garis panduan kepada pihak universiti serta dapat menjelaskan kepada pihak ibu bapa dan rakan-rakan sebaya betapa pentingnya perlaksanaan sistem penasihat akademik di setiap universiti sebagai satu alternatif meningkatkan tahap pencapaian akademik pelajar dalam usaha membentuk insan yang berjaya dan berkualiti.

Di samping itu, hasil kajian ini juga dapat memberi maklumat kepada universiti-universiti lain yang belum melaksanakan sistem penasihat akademik ini. Dengan yang demikian, diharapkan sistem penasihat akademik ini dapat dilaksanakan di setiap universiti.

Reka Bentuk Kajian

Kajian yang dijalankan adalah berbentuk deskriptif dan inferensi bagi melihat pengaruh dan hubungan penasihat akademik dan tahap pencapaian akademik pelajar. Kajian deskriptif merupakan kajian yang berbentuk tinjauan serta menggunakan kaedah soal selidik dalam

memperolehi data bagi melihat peratusan, min dan kekerapan. Manakala kajian inferensi pula adalah bertujuan bagi melihat hubungan (r) dan pengaruh (r^2) antara pemboleh ubah bersandar dan pemboleh ubah bebas.

Menurut Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999: 34), pendekatan tinjauan selalunya menggunakan soal selidik. Penyelidik menggunakan soal selidik sebagai instrumen kajian. Penggunaan soal selidik ini boleh menjimatkan masa dan tenaga serta dapat mengurangkan kos perbelanjaan berbanding instrument yang lain. Di samping itu, soal selidik ini mengandungi arahan dan soalan-soalan jenis tertutup untuk dijawab oleh semua responden yang terlibat dalam kajian ini. Semua data yang diperolehi akan dianalisis secara kuantitatif.

Populasi Dan Sampel

Populasi dalam kajian ini hanya melibatkan pelajar-pelajar Fakulti Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia, Skudai Johor yang terdiri daripada 107 orang pelajar lelaki dan perempuan yang mengambil kursus SPI (Pengajian Islam), SPL (Tesl) dan SPP (Fizik). Populasi yang terlibat bagi kajian ini dapat dilihat berdasarkan jadual 1 di bawah:

Jadual 1 : Jumlah Populasi Pelajar Fakulti Pendidikan

BIL	KURSUS	BILANGAN RESPONDEN
1	SPI	46
2	SPL	44
3	SPP	17
	JUMLAH	107

Berdasarkan jadual 1, jumlah populasi adalah seramai 107 orang pelajar berdasarkan tiga kursus yang dipilih dalam kajian ini. Walau bagaimana pun, hanya 100 unit borang soal selidik yang telah dikembalikan kepada penyelidik, manakala bakinya sebanyak tujuh unit tidak dikembalikan. Dalam kajian ini, penyelidik menggunakan jumlah keseluruhan populasi sebagai sampel kajian. Pemilihan keseluruhan populasi sebagai sampel kajian adalah merupakan penyelidikan kes (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 2003: 37).

Instrumen Kajian

Kajian ini dijalankan dengan menggunakan set soal selidik. Set soal selidik ini merupakan alat yang mengumpul data bagi penyelidik. Oleh itu, bagi satu-satu kajian, satu soal selidik yang sama hendaklah digunakan untuk semua responden bertujuan bagi memastikan keseragaman bagi membolehkan pemprosesan data melalui komputer di mana setiap soalan dikemukakan mengikut urutan yang sama (Ahmad Mahdzan Ayob, 2005: 59).

Soal selidik ini mengandungi tujuh bahagian, iaitu bahagian A, bahagian B, bahagian C, bahagian D, bahagian E, bahagian F dan bahagian G.

Pada bahagian A, responden hanya menandakan salah satu pilihan jawapan dan soalan bebas iaitu mengisi tempat kosong. Tetapi bahagian B, C, D, E, F dan G menggunakan kaedah skala *Likert*, iaitu responden dikehendaki untuk menandakan jawapan mereka mengenai sesuatu kenyataan berdasarkan satu skala dari satu ekstrem kepada ekstrem yang lain (Mohamad Najib Abdul Ghafar, 1999: 97).

Kajian Rintis

Sebelum kajian sebenar dilakukan, penyelidik telah menjalankan kajian rintis ke atas 10 orang pelajar Fakulti Pendidikan yang terdiri daripada pelajar yang mengambil kursus SPK (Kimia). Kajian rintis yang dibuat ini adalah bertujuan untuk memastikan soal selidik yang hendak digunakan mempunyai kebolehpercayaan dan kesahan yang tinggi (*Reliability Coefficient*). Rasional pemilihan sampel untuk kajian rintis ini kerana mempunyai ciri-ciri yang sama dengan sampel yang hendak diuji. Di samping itu, kajian rintis ini juga untuk memastikan soal selidik yang diedarkan kepada sampel sebenar adalah berkualiti.

Berdasarkan analisa yang dibuat, kebolehpercayaan soal selidik ini adalah menunjukkan nilai $\alpha = 0.982$. Nilai ini menunjukkan bahawa soal selidik ini mempunyai kebolehpercayaan yang tinggi dan boleh digunakan dalam kajian sebenar.

Analisis Keseluruhan

Rumusan di dalam bahagian ini adalah berdasarkan kepada analisis data bagi bahagian B. Min keseluruhan dapat diterangkan seperti berikut bagi keseluruhan konstruk item:

Jadual 2: Nilai min bagi keseluruhan konstruk item

Konstruk	Nilai Min
1. Pencapaian akademik pelajar	3.94
2. Persepsi pelajar	3.59
3. Faktor bimbingan	3.55
4. Faktor penasihatan	3.80
5. Faktor pemantauan	3.50
6. Faktor pemerhatian	3.47

Jadual 2 menunjukkan bahawa min keseluruhan bagi konstruk pencapaian akademik pelajar ialah 3.94. Persepsi pelajar terhadap sistem penasihatan akademik ialah 3.59. Manakala faktor bimbingan ialah 3.55, faktor penasihatan ialah 3.80, faktor pemantauan ialah 3.50 dan faktor pemerhatian ialah 3.47.

Jadual 3: Keputusan Korelasi

		Persepsi Pelajar	Bimbi-ngan	Penasi-hatan	Peman-tauan	Pemer-hatian
Penca-paian Akade-mik	Pearson Correlation (<i>r</i>)	0.784**	0.703**	0.754**	0.667**	0.593**
	Sig. (2-tailed)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	N	100	100	100	100	100

** Aras Signifikan : 0.01

Jadual 3 di atas menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap system penasihatan akademik dan faktor-faktor bimbingan, penasihatan, pemantauan dan pemerhatian mempunyai

hubungan yang kuat dengan tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar di UTM, Skudai. Ini dapat dibuktikan dengan melihat nilai r yang diperolehi iaitu persepsi pelajar $r = 0.784$, bimbingan $r = 0.703$, penasihat $r = 0.754$, pemantauan $r = 0.667$ dan pemerhatian $r = 0.593$.

Jadual 4: Keputusan Regresi

		Persepsi Pelajar	Bimbingan	Penasihat	Pemantauan	Pemerhatian
Pencapaian Akademik	(r^2)	0.614**	0.495**	0.569**	0.445**	0.351**
	Sig. (2-tailed)	0.00	0.00	0.00	0.00	0.00
	N	100	100	100	100	100

** Aras Signifikan : 0.01

Jadual 4 di atas menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap system penasihat akademik dan faktor-faktor bimbingan, penasihat, pemantau dan pemerhati mempunyai pengaruh yang jelas dengan tahap pencapaian akademik di kalangan pelajar di UTM, Skudai. Ini dapat dibuktikan dengan melihat nilai r^2 yang diperolehi iaitu persepsi pelajar $r^2 = 0.614$, bimbingan $r^2 = 0.495$, penasihat $r^2 = 0.569$, pemantauan $r^2 = 0.445$ dan pemerhatian $r^2 = 0.351$.

Perbincangan

Dari aspek pencapaian keputusan peperiksaan pelajar pula, ia diambil dari nilai purata keputusan keseluruhan semester iaitu CGPA, di mana penyelidik telah membahagikan kepada lima kategori iaitu kurang dari 2.0, 2.0 - 2.66, 2.67 - 2.99, 3.0 - 3.66 dan 3.67 - 4.00. Hasil kajian menunjukkan bahawa majority pelajar mendapat keputusan di antara CGPA 3.0 - 3.66 iaitu seramai 66 orang (66%) responden, diikuti nilai kedua tertinggi 3.67 - 4.0 iaitu seramai 19 orang (19%), seramai 11 orang (11%) mendapat keputusan 2.67 - 2.99. Manakala dua orang (2%) mendapat 2.0 - 2.66 dan tiada seorang pun yang mendapat skor paling rendah iaitu kurang dari 2.0. Analisis bagi keseluruhan min yang diperolehi ialah 3.94.

Kajian turut mendapati bahawa 52.0% pelajar bersetuju mengatakan berjumpa dengan penasihat akademik dapat mengurangkan tekanan yang mereka hadapi. Begitu juga dengan item "Sistem ini dapat menyelamatkan pelajar daripada lalai dan lupa kepada pelajaran" dan "Sistem ini merupakan satu profession ke arah pembentukan pelajar berilmu, bertanggungjawab, berkebolehan dan berdaya saing" dengan mencapai persetujuan yang tinggi iaitu masing-masing sebanyak 84.0% dan 83.0%. Ini menunjukkan tahap kefahaman pelajar tentang kepentingan penasihat akademik kepada pelajar-pelajar adalah tinggi dengan persetujuan responden sebanyak 84.0%, manakala sebanyak 62.0% responden tidak bersetuju dengan pendapat mengatakan yang sistem ini dapat menyelesaikan semua masalah yang dihadapi oleh pelajar. Perkara ini disokong dalam kajian Norlaili Sapan (2002: 59) yang bertajuk "Keperluan Penasihat Akademik Kepada Pelajar. Satu Tinjauan Terhadap Pelajar Tahun 4, Fakulti Pendidikan" menyatakan sebanyak 63.2% responden menyatakan bahawa penasihat akademik tidak berkesan dalam membantu menangani masalah mereka.

Faktor pertama yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah faktor bimbingan penasihat akademik kepada tahap pencapaian akademik pelajar. Hasil kajian mendapati 86.0% pelajar mengatakan penasihat akademik dapat membimbing pelajar dalam membuat penyesuaian peribadi, akademik, sosial, emosi dan akhlak dengan persekitaran universiti. Seramai 71.0% mengatakan tidak bersetuju bagi item yang mengatakan "Penasihat akademik selalu memberi kesedaran kepada pelajar sejak dari awal semester lagi tentang kepentingan mengutamakan pelajaran dalam kehidupan sehingga mencapai kejayaan dalam akademik".

Faktor kedua yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah faktor penasihat akademik terhadap prestasi pencapaian akademik pelajar. Majoriti pelajar menyatakan penasihat akademik menasihati dan memberitahu pelajar tentang kesan pendaftaran dan pengguguran sesuatu matapelajaran iaitu sebanyak 86.0%. Ini penting kerana sekiranya pelajar tersilap memilih mata pelajaran ia akan memberi kesan terhadap keputusan purata gred CGPA pelajar.

Faktor ketiga yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah faktor pemantauan penasihat akademik terhadap prestasi akademik pelajar. Bagi item yang mengatakan "Penasihat akademik menyimpan rekod peribadi pelajar seperti butir-butir peribadi, maklumat keluarga, maklumat akademik dan kokurikulum dengan lengkap dan sentiasa dikemaskini" tidak mendapat persetujuan iaitu seramai 76.0%.

Faktor keempat yang dibincangkan dalam bahagian ini ialah faktor pemerhatian penasihat akademik. Majoriti pelajar tahun empat bersetuju dengan nilai 86.0% mengatakan bahawa penasihat akademik sentiasa memerhati dan akan memanggil pelajar dibawah jagaannya yang mempunyai masalah akhlak. Menurut Wan Khairudin dalam kajiannya (2003: 78) menyatakan pendekatan yang digunakan oleh penasihat akademik adalah dengan mengambil berat tentang diri pelajar termasuk dari aspek tingkahlaku. Seramai 39.0% mengatakan penasihat akademik mereka pernah melaksanakan kaedah demikian. Walaupun bukanlah bilangan majoriti namun bilangan yang mengatakan tidak bersetuju lebih sedikit berbanding bilangan yang bersetuju.

Rujukan

- Azmahani Abdul Aziz, Jamaludin Mohamad Yatim, Baharin Mesir (2007). *Kajian Peningkatan Prestasi Akademik Pelajar Melalui Program Kecemerlangan. Fakulti Kejuruteraan Awam: Universiti Teknologi Malaysia.*
- Fariza Md. Sham, Sulaiman Ibrahim & Ideris Endot (2000). *Dakwah Dan Perubahan Sosial.* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Ismail Noor & Ibrahim Nor (2002). *Kemahiran Sebagai Mentor (Kaedah Membimbing, Memberi Kaunseling Dan Menjadi Model Ikutan Ke Arah Keberkesanan Organisasi).* Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Johari Halim Shah B. Osman, Prof.Dr (2003). *Kursus Penasihat Akademik Pelajar.* Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Kejuruteraan Elektrik.
- Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). *Penyelidikan Pendidikan.* Johor Darul Ta'zim: Universiti Teknologi Malaysia.
- Norlaili Bt Sapan (2002), *Keperluan Penasihat Akademik Kepada Pelajar. Satu Tinjauan Terhadap Pelajar Tahun 4, Fakulti Pendidikan.* Universiti Teknologi Malaysia: Projek Sarjana Muda.
- Pentadbir Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (2004/2005). *Buku Panduan Sesi 2004/2005.* Universiti Teknologi Malaysia: Pejabat Akademik, FKM.
- Pentadbir Fakulti Pengurusan dan Pembangunan Sumber Manusia (2005/2006). *Buku Panduan Akademik 2005/2006.* Skudai: Universiti Teknologi Malaysia.

- Tuan Baharom Mahmood. *Penasihat Akademik Satu Pandangan Peribadi*. Universiti Teknologi Malaysia: Fakulti Ukur dan Harta Tanah.
- Wan Khairudin Bin Wan Yahya (2003). *Persepsi Pelajar Tahun 3&4 (Pengajian Islam) Terhadap Perlaksanaan Sistem Penasihat Akademik Dalam Meningkatkan Kecemerlangan Pelajar*. Universiti Teknologi Malaysia: Projek Penyelidikan.
- Zailiani Taslim. Berita Harian. Khamis, 28 Januari 1999. "*Program Mentor- Mentee Bantu Pelajar Bermasalah*".